

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 26 TAHUN 1973¹

SEKIM PERKHIDMATAN BAHARU BAGI
PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14 tahun 1972 telah mengumumkan Sekim Perkhidmatan baharu bagi Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik seperti yang terkandung dalam Lampiran "A" Pekeliling itu yang berkuatkuasa mulai daripada 1hb September, 1972.

2. Semenjak berjalannya kuatkuasa Sekim baharu itu telah didapati beberapa kekurangan padanya dan dengan itu diputuskan Sekim itu dipinda bagi memasukkan beberapa perbekalan yang difikirkan perlu diadakan. Sekim yang dipinda itu adalah seperti yang terkandung dalam Lampiran "A" Pekeliling ini.

3. Dalam Sekim yang dipinda itu adalah diperbekalkan dalam perenggan 1 bahawa, selain daripada pegawai-pegawai Perkhidmatan Pentadbir Melayu dan Perkhidmatan Tadbir Negeri serta pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Pegawai Kerja pada peringkat-peringkat tertentu, pegawai-pegawai dalam lain-lain perkhidmatan yang setaraf, dalam Kumpulan Kerja dan Separa Ikhtisas, seperti yang ditetapkan oleh Ketua Setiausaha Negara dari semasa ke semasa adalah juga layak dipertimbangkan bagi dilantik kepada Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik mengikut syarat-syarat yang tertentu.

4. Gelaran "Tingkatan Biasa II" telah ditetapkan semula sebagai "Tingkatan Biasa S" dan "Tingkatan Biasa I" adalah ditetapkan semula sebagai "Tingkatan Kanan" (Seniorscale).

5. Perbekalan-perbekalan baharu mengenai kenaikan pangkat telah juga dimasukkan ke dalam Sekim yang dipinda itu. Mengikut perbekalan dalam perenggan 10, dalam keadaan istimewa, pegawai-pegawai Tingkatan Biasa dan Tingkatan Kanan boleh dinaikkan pangkat "S" secara luar biasa (*out of normal turn*) walaupun perkhidmatan mereka belum genap tempoh yang disyaratkan dalam perenggan 8 atau 9 Sekim itu. Perenggan 11 pula memperbekalkan syarat kenaikan pangkat ke tingkatan-tingkatan tertinggi selepas paras Tingkatan Tertinggi "G" yang kini tidak pun diperbekalkan.

6. Sebagai langkah peralihan perbekalan berikut mengenai pemangkuan dan kenaikan pangkat akan dipakai sehingga 31hb Disember, 1975:

- (i) pegawai-pegawai yang dilantik dalam atau sebelum tahun 1968 yang didapati layak dan sesuai akan diberi peluang bagi dipertimbangkan untuk dinaikkan pangkat ke Tingkatan Tertinggi "G" setelah genap 7 tahun mereka berkhidmat dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik;

- (ii) pegawai-pegawai yang dilantik dalam atau sebelum tahun 1968 yang sedang memegang jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi "G" akan dibenarkan terus memegang dalam jawatan-jawatan Tingkatan itu dengan syarat kesesuaian mereka tidak diragu-ragukan;
- (iii) pegawai-pegawai yang dilantik dalam atau sebelum tahun 1968 yang belum memegang jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi "G" dan yang sedang mengikuti kursus atau dalam pinjaman/pertukaran sementara, apabila kembali berkhidmat dalam jawatan-jawatan P.T.D., yang didapati layak dan sesuai untuk memegang jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi "G" mengikut peraturan dahulu, akan dibenarkan memegang jawatan-jawatan dalam Tingkatan itu;
- (iv) jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi "G" yang ditetapkan semula sebagai jawatan-jawatan Tingkatan Kanan yang dipangku oleh pegawai-pegawai dalam gulungan yang tersebut dalam perenggan kecil (ii) dan (iii) di atas akan dibenarkan berterusan pada Tingkatan Tertinggi "G" buat sementara waktu;
- (v) jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi "G" yang tarafnya dibenarkan berterusan pada tingkatan itu buat sementara waktu akan diturunkan peringkatnya apabila pegawai-pegawai yang berkenaan itu ditempatkan dalam jawatan-jawatan hakiki Tingkatan Tertinggi "G";
- (vi) perhitungan elaun memegang dan elaun tanggungan kerja akan berasaskan kepada tempoh genap perkhidmatan 5 tahun dalam Tingkatan Biasa bagi pemangkuah dalam Tingkatan Tertinggi "G" dan genap perkhidmatan 4 tahun bagi pemangkuan dalam Tingkatan Kanan; dan
- (vii) pegawai-pegawai yang dilantik dalam dan selepas tahun 1969 yang didapati sesuai akan dibenarkan memegang jawatan Tingkatan Kanan sahaja.

7. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai 1hb September, 1973 dan dengan itu Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 1972 adalah dimansuhkan daripada tarikh itu.

8. Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan adalah diminta menyampaikan kandungan Pekeliling ini kepada pengetahuan pegawai-pegawai yang berkenaan dan pegawai-pegawai yang menguruskan hal ehwal perjawatan dan perkhidmatan di bawah bidang kuasa mereka.

DATUK ABDULLAH BIN AYUB,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
KUALA LUMPUR,
11hb September, 1973

CATATAN:

1. Dibenarkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 tahun 1980 mulai 25hb